

dihantar 'bersparring' dengan ahli-ahli tomoi sebagai persediaan ke pertandingan silat olahraga. Apakah ini satu perkembangan sihat kepada dunia Seni Silat Melayu? Kalau benar begitu, tidak hairanlah orang bukan Melayu dengan sekejap masa sahaja telah berjaya menjadi peserta terbaik dalam pertandingan silat olahraga antarabangsa yang telah diadakan di Jakarta tidak lama dulu.

Selain itu, pertandingan silat olahraga harus lebih kerap diadakan pada peringkat negeri ataupun pada peringkat zon sebelum diadakan pada peringkat kebangsaan. Dengan berbuat begitu, barulah mereka yang menyertai kejuaraan kebangsaan itu, benar-benar mereka yang matang dan berpengalaman sama ada sebagai seorang pesilat, seorang jurulatih ataupun seorang pendekar.

Moga-moga tidak berulang lagi peristiwa seorang ahli Dewan Pendekar ataupun seorang mahaguru silat yang 'mengamuk', sedangkan anak muridnya patuh menerima keputusan kalah yang dibuat oleh wasit dan juri. Ini semua berlaku akibat kebanyakan mereka yang menyertai kejuaraan kebangsaan itu dipilih secara 'tangkap muat' sahaja tanpa melalui sebarang saringan di peringkat kampung, daerah ataupun negeri!

27 APR 1986

Mengenai wasit dan juri pula, mereka hendaklah orang-orang yang berwibawa dan seharusnya bersifat berkecuali untuk menghindarkan sebarang syak dan wasangka. Kalau boleh mereka hendaklah yang berumur 40 tahun ke atas dan tidak memimpin mana-mana pertubuhan silat yang menyertai pertandingan.

Mengikut perhitungan penulis, PESAKA boleh mewujudkan tiga ketetapan untuk dipilih apabila setiap kejuaraan hendak diadakan supaya keadilan dan maruah wasit dan juri bahkan PESAKA sendiri dapat dipertahankan.

Pertamanya PESAKA boleh menetapkan wasit dan juri untuk pertandingan kebangsaan boleh dipilih daripada ahli-ahli silat empat pertubuhan kebangsaan iaitu Seni Silat Gayung Malaysia, Seni Silat Lincak Malaysia, Seni Silat Cekak Malaysia dan Seni Silat Gayung Fatani Malaysia. Tetapi kesemua ahlinya sama ada di peringkat negeri ataupun daerah hendaklah juga bertanding sebagai ahli pertubuhan kebangsaan masing-masing, tidak sebagai ahli kepada majlis silat negeri.

Bagi ketetapan kedua, PESAKA harus mensyaratkan ahli-ahli silat daripada keempat-empat pertubuhan kebangsaan itu tidak boleh dijadikan wasit ataupun juri sekiranya ahli-ahlinya bertanding sebagai ahli kepada sesebuah majlis silat negeri. Ketetapan ketiga pula, keempat-empat pertubuhan silat kebangsaan tidak digalakkan untuk sementara waktu ini daripada menyertai kejuaraan kebangsaan, tetapi ahli-ahlinya saja yang harus dilantik sebagai wasit dan juri di dalam setiap kejuaraan kebangsaan yang hanya melibatkan ahli-ahli daripada majlis silat negeri. **B. Minggu (M)**



● SATU pertunjukan seni silat Melayu.